

(ENAKMEN HUTAN 1968)



Tujuan

Adalah diperbuat suatu undang-undang untuk melindungi hutan dan peraturan dan pengawalan urus niaga (dealings) dalam hasil hutan dan bagi perkara berkaitan dengannya.



Kuasa menubuhkan Hutan Simpan (s.5)

- Hutan Simpan ditubuhkan oleh YDPN ke atas mana-mana tanah kerajaan.
- Jenis hutan simpan :

(a) Kelas I

Hutan Dilindungi / Protection Forest – penyelenggaraan penting hutan atas alasan iklim atau fizikal.

(b) Kelas II

Hutan Komersial / Commercial Forest – untuk bekalan kayu dan hasil lain untuk memenuhi permintaan umum perdagangan

(c) Kelas III

Hutan Domestik / Domestic Forest – untuk bekalan kayu dan hasil lain untuk penggunaan tempatan.

Power to constitute Forest Reserves (s.5)

(d) Kelas IV

hutan lipur / Amenity Forest – untuk ameniti tempatan dan kerja arboretum (kawasan yang ditanami dengan spesis pokok tertentu untuk tujuan pemuliharaan sumber genetik, pendidikan dan penyelidikan).

(e) Kelas V

Hutan Bakau / Mangrove Forest – untuk membekalkan kayu bakau atau hasil lain untuk permintaan perdagangan.

(f) Kelas VI

Hutan Dara / Virgin Jungle Reserve – untuk tujuan penyelidikan.

(g) Kelas VII

Hutan Hidupan Liar / Wildlife Reserve – untuk perlindungan hidupan liar.

Power to declare protected areas (s.5A)

WHO HAS THE POWER TO DECLARE PROTECTED AREAS?

The Yang di-Pertua Negeri may declare any area in a Forest Reserve or on State land which may require special protection for reasons of soil, wildlife, ecological or water conservation to be a protected area and may, at any time vary or revoke the declaration.

No logging, land clearing, cultivation, grazing or other exploitation of any kind shall be undertaken in a protected area except as provided in the declaration of the protected area or as specially authorised in writing by the Minister.

Declaration of Forest Reserve (s.12)

WHO DECLARE FOREST RESERVE?

- *the Yang di-Pertua Negeri may, by notice in the Gazette, declare the whole or any part of the land specified in a notice of intention to be a Forest Reserve.*
- *From the date specified in a reservation notice, the land specified therein shall be a Forest Reserve.*
- *Before the reservation notice comes into force, the District Officer or Collector of the District shall cause the substance of such notice to be published under section 8 of the Enactment.*
- *as from the date when a reservation notice comes into force, all rights and privileges other than admitted rights or conceded privileges shall be extinguished.*
- *Any person who exercises any admitted right or conceded privilege in contravention of, or otherwise than in compliance with, any order made by the Director under subsection (4) of this section shall be guilty of an offence.*

Seksyen 15 (Perolehan hak di hutan simpan)

- Tiada hak apa-apa di dalam/di atas Hutan Simpan/mana-mana bahagian Hutan Simpan kecuali dengan perjanjian lesen yang dibuat oleh menteri dengan kelulusan kabinet/lesen.
- Perjanjian lesen – untuk penanaman hutan atau kayu pokok atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dipersetujui.
- Apa-apa perjanjian lesen yang dibuat oleh menteri hendaklah tertakluk kepada apa-apa hak yang diterima atau keistimewaan yang didapati dan apa-apa syarat khas yang dikenakan kepada Hutan Simpan itu.
- Tetapi tiada lesen boleh dikeluarkan/perjanjian lesen boleh dibuat di bawah s.15 Enakmen bagi Hutan Simpan Kelas I,VI,VII.

- Dalam Enakmen Hutan 1968, hak perolehan di dalam kawasan hutan simpan adalah dibolehkan di bawah beberapa terma-terma dan syarat-syarat. Jelaskan terma-terma dan syarat-syarat tersebut.
- In the Forest Enactment 1968, acquisition of rights in the forest reserve area is permitted under certain terms and conditions. Explain those terms and conditions.
- Jawapan: Terma dan syarat hak perolehan di dalam hutan simpan adalah diperuntukan di bawah s.15 Enakmen Hutan 1968 seperti berikut –
 - (a) suatu perjanjian lesen/lesen hendaklah dibuat oleh Menteri dan hendaklah diluluskan oleh Kabinet.
 - (b) perjanjianlesen yang dibuat hendaklah hanya untuk penanaman hutan dan pokok kayu di hutan simpan.
 - (c) man-mana perjanjian lesen yang dibuat oleh Menteri hendaklah tertakluk kepada hak atau keistimewaan atau apa-apa syarat khas yang sedia ada dalam hutan simpan.

Seksyen 19 (Membahayakan Hutan Simpan dengan api)

- Mana-mana orang yang menyalakannya, menyimpan/membawa apa-apa kebakaran/meninggalkan apa-apa api membakar berhampiran Hutan Simpan membahayakan Hutan Simpan/apa-apa hasil hutan adalah melakukan suatu kesalahan.
- Penjara 7 tahun/denda RM100K atau kedua-duanya.
- Hakikat bahawa apa-apa kebakaran telah merebak ke dalam Hutan Simpan dan merosakkan apa-apa hasil hutan hendaklah menjadi bukti muktamad bahawa orang yang menyalakan api itu adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen.
- Api yang telah merebak ke Hutan Simpan dari tanah hakmilik dan mengakibatkan kerosakan kepada hasil hutan, pemilik tanah itu melakukan kesalahan di bawah Enakmen melainkan dia dapat membuktikan bahawa api itu bukan dinyalakannya/pekerjanya/ejenya/mana-mana keluarganya dan apabila menyedari akan api itu ditanahnya dia telah mengambil semua langkah untuk menghalang api itu daripada merebak ke Hutan Simpan.

Seksyen 20 (Aktiviti terlarang di dalam Hutan Simpan)

- Melainkan dibenarkan di bawah Enakmen, mana-mana orang yang mengikat, menanda, menyebabkan kecederaan oleh api, cuai, menebang, memotong, mengeluarkan, menghapuskan hasil hutan, menyalakan/menyebabkan supaya dinyalakan/melakukan kebakaran, membaling nyalaan api melakukan kesalahan (penjara 7 tahun dan denda).
- sesiapa yang membina bangunan/memelihara binatang/mengusahakan tanah/membersihkan/mengali tanah untuk bercucuk tanam dalam Hutan Simpan melakukan kesalahan.
- Sesiapa yang memasuki mana-mana bahagian HS yang ditutup; merosakkan, mengubah, mengalihkan atau mengacau apa-apa pagar atau papan notis HS melakukan kesalahan (denda RM50K/penjara tdk lhb 3 thn atau kedua-duanya).

Section 20 (Aktiviti terlarang di dalam hutan simpan)

- Melainkan dibenarkan di bawah Enakmen, tiada orang boleh memotong, mengambil, menebang atau mengalihkan hasil hutan (denda tdk lbh RM500K/penjara tdk krg 1 tahun dan tdk lbh 20 tahun).
- Sesiapa yg melakukan kesalahan di bawah seksyen ini tambahan kpd mana-mana penalti yg dikenakan atas sabitan, dikehendaki membayar bagi hasil hutan yg diambil secara haram 10 kali ganda royalti, fi dan apa-apa amaun tdk melebihi 10 ganda harga hasil hutan itu dan apa-apa amaun yang dikenakan dan apa-apa amaun yang hendaklah dibayar didapatkan seolah-olah denda telah dikenakan.

Seksyen 23 (Hasil hutan dalam tanah kerajaan dan tanah hakmilik)

- Melainkan dibenarkan di bawah Enakmen, tiada orang boleh mengikat, menanda, menyebabkan kecederaan oleh api, cuai, menebang, memotong, mengeluarkan, menghapuskan hasil hutan, menyalakan/menyebabkan supaya dinyalakan/melakukan kebakaran, membaling nyalaan api ke atas hasil hutan dalam tanah kerajaan; mengalihkan hasil hutan dari sempadan tanah kerajaan melakukan kesalahan (denda tdk lbh RM50K/penjara tdk lbh 5 thn/kedua-duanya).
- Melainkan dibenarkan di bawah Enakmen, tiada orang boleh memotong, mengambil, mengalihkan, menebang/memindahkan hasil hutan dalam tnh kerajaan melakukan kesalahan (denda tdk lbh RM500K dan penjara tdk krg 1 thn, tdk lbh 20 thn).

Seksyen 24 (Lesen)

- Ketua Konservator/mana-mana orang yg diberi kuasa oleh Ketua Konservator boleh mengeluarkan lesen bagi apa-apa aktiviti yang dilarang di bawah s.20 & 23 dengan syarat dan tertakluk kepada bayaran fi/royalti yang dikenakan bagi lesen itu.
- Dengan syarat bahawa lesen berhubung dengan aktiviti dalam HS/tanah kerajaan, tidak boleh dikeluarkan lesen tanpa kelulusan bertulis daripada Kabinet.
- Lesen yang tidak dibatalkan/ditarik balik adalah sah bagi tempoh yang ditetapkan dan boleh diperbaharui dua kali bagi tempoh tidak melebihi 1 thn setiap satu oleh Pengarah/org diberi kuasa dengan mengendoskan pada lesen suatu nota pembaharuan dan tarikh luput lesen itu.

Samb... seksyen 24 (Lesen)

- Lesen berhubung dengan aktiviti dalam HS tidaklah sah bagi tempoh melebihi 5 thn dan sekiranya lesen itu secara tidak sengaja tidak dinyatakan tarikh habis tempoh dan mungkin meletakkannya sah melebihi tempoh sah 5 thn, lesen itu hendaklah hanya sah pada tarikh habis tempoh 5 thn sahaja dari tarikh lesen itu dikeluarkan.
- Tiada lesen yang dikeluarkan bagi aktiviti dalam tanah kerajaan sebelum dikeluarkan TOL (Temporary Occupation Licence) oleh Pemungut Hasil di bawah peruntukan Ordinan Tanah (Bab 68).

Samb... seksyen 24 (Lesen)

- Tiada lesen boleh dikeluarkan bagi aktiviti dalam tanah hakmilik kecuali dengan permohonan oleh atau dengan kebenaran bertulis pemilik tnh atau penyewa tnh itu.
- Lesen hendaklah hanya kepada pemegang lesen dan tidak boleh dipindahmilik dan menjadi tidak sah atas kematian pemegang lesen ataupun pemegang lesen diisytiharkan bankrap.

Seksyen 24A (Pembatalan & penarikan balik lesen)

- Menteri boleh bagi kepentingan awam, membatalkan lesen atau mengubah lesen atau mengubah syarat lesen atau mengenakan syarat tambahan lesen yang telah dibuat di bawah Enakmen Hutan.
- Lesen termasuk perjanjian lesen di bawah seksyen 15 Enakmen Hutan.
- Sebelum apa-apa tindakan dibuat oleh Menteri, Menteri hendaklah memberi peluang pendengaran kepada pemegang lesen di bawah seksyen 24 atau seksyen 15.

Seksyen 37 (Pelupusan harta yang disita)

- Semua benda yang disita di bawah Enakmen adalah dilucuthakkan.
- Semua benda yg disita di bawah Enakmen tidak boleh dilepaskan kepada pemilik sehingga kes selesai di mahkamah.
- Apabila hasil hutan si bawah s.36(1)(d) disita, pegawai yang menyita itu hendaklah mengemukakan -
 - (a) Jika penyitaan dibuat oleh orang lain selain ketua konservator, mengemukakan benda itu kepada ketua konservator yang ada kawalan dan jagaan ketua konservator; dan

Seksyen 37 (Pelupusan harta yang disita)

- (b) Melainkan jika penyitaan dibuat pada kehadiran pemilik, agen/pekerjanya, memberi notis bertulis mengenai penyitaan itu dan alasan penyitaan kpd pemilik/agen/pekerjanya -
 - (i) jika diketahui, sama ada dgn menghantar dengan tangan atau dgn pos ke tempat tinggal/tempat perniagaan; atau
 - (ii) jika tidak diketahui, menyiarkan notis dengan apa cara pun penyiaran yang difikirkan perlu.

Seksyen 37 (Pelupusan harta yang disita)

- Perintah pelucuthakkan atau pelepasan apa-apa yg dilucuthak hendaklah dibuat oleh mahkamah sebelum pendakwaan dimulakan, dan perintah pelucuthakkan hendaklah dibuat jika dibuktikan memuaskan mahkamah bahawa ada kesalahan dilakukan di bawah Enakmen atau pelanggaran mana-mana larangan atau syarat atau mana-mana perjanjian dibuat atau lesen/permit telah diberikan telah melakukan suatu kesalahan dan ianya menjadi hal perkara kepada atau digunakan bagi melakukan kesalahan walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan atau kemungkiran itu.
- Jika tiada pendakwaan bagi apa-apa yang disita di bawah Enakmen, benda itu yang diambil dan disifatkan telah dilucuthakkan setelah tamat tempoh 30 hari dari tarikh ianya disita melainkan ada tuntutan dibuat sebelum tarikh tamat tempoh 30 hari itu.

Seksyen 37 (Pelupusan harta yang disita)

- Sesiapa yg mengaku dia adalah pemilik benda boleh dilucuthak di bawah Enakmen dan bahawa ianya tidak boleh dilucuthak boleh sendiri/ejen diberikuasa secara bertulis memberikan notis kepada pengarah yg dia hendak menuntut benda itu.
- Selepas menerima notis itu pengarah hendaklah merujuk tuntutan itu ke majistret Kelas 1 untuk keputusan.

Seksyen 37 (Pelupusan harta yang disita)

- Majistret hendaklah mengeluarkan saman mengehendaki orang yg berkenaan bahawa dialah pemunya benda dan orang yg ianya disita hadir dihadapannya dan sekiranya gagal hadir, notis penyampaian yg dibuktikan, majistret hendaklah meneruskan pemeriksaan ke atas perkara itu dan atas pembuktian kesalahan di bahawa Enakmen/pelanggaran/syarat/perjanjian/lesen/permit/digunakan/disyaki digunakan bagi melakukan kesalahan/pelanggaran hendaklah memerintahkan benda itu dilucuthakkan atau boleh atas kegagalan pembuktian memerintahkan pelepasannya.

Seksyen 37 (Disposal of property seized.)

- ... jika benda yang disita adalah cepat rosak/susut harga, pegarah boleh menjual benda itu dan selepas itu menguruskan hasil jualan benda itu seolah-olah diurus seperti sebelum benda itu dijual.
- Mana-mana prosiding dihadapan mahkamah berkenaan dengan penyitaan yg boleh dilucuthak, mahkamah hendaklah meneruskan perbicaraan atau rayuan mana-mana yg berkenaan ke atas merit kes itu sahaja tanpa menyentuh berkenaan dengan cara atau bentuk penyitaan dibuat selagi cara dan bentuk penyitaan itu menjadi bukti kepada penyitaan tersebut.
- Semua benda yg dilucuthak hendaklah diserahkan kpd pengarah dan hendaklah dijual menurut peruntukan Enakmen.

Perlindungan hak anak negeri (s.41)

Tertakluk kepada mana-mana peruntukan kpd peraturan melarang/memotong/memindahkan atau memotong/memindahkan apa pun hasil hutan di mana-mana lokasi, tiada peruntukan di bawah Enakmen boleh disifatkan melarang memotong dan memindahkan dari tnh kerajaan yg bukan diduduki secara sah oleh mana-mana orang attau dengan kebenaran pemilik tnh bagi tanah hakmilik, oleh mana-mana ANAK NEGERI apa-apa kayu, atap atau apa-apa hasil hutan yg diperlukan -

- (a) untuk pembinaan atau pembaikan rumah kediaman untuk tinggal baginya dan keluarganya;
- (b) untuk pembinaan pagar dan pondok sementara di mana-mana tnh yg diduduki olehnya dgn sah;
- (c) untuk pembinaan atau pembaikan bot anak negeri;
- (d) utk pemeliharaan belat ikan dan tmpt pendaratan;
- (e) untuk kayu api bagi kegunaan harian; dan
- (f) untuk pembinaan dan pemeliharaan klinik, sekolah, dewan masyarakat, tempat sembahyang, jambatan dan apa-apa kerja yg memberi manfaat kpd kehidupan komuniti anak negeri di kampungnya.